

15 JAN 1996

Lipis-Reaksi

KEMENANGAN DI LIPIS BUKTIKAN KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP BN

KUALA LIPIS, 15 Jan (Bernama) -- Kalangan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini menyifatkan kemenangan tanpa bertanding BN pada pilihan raya kecil Parlimen Lipis sebagai bukti keyakinan rakyat terhadap kepimpinan parti itu.

Mereka sependapat bahawa kemenangan Bendahari Umno Bahagian Lipis, Amihamza h

Ahmad, 46, sebagai suatu mandat kepada BN untuk meneruskan kesinambungan dasar-dasar yang dirancang untuk membawa pembangunan ke daerah berkenaan.

Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Khalil Yaakob menyifatkan kemenangan itu sebagai suatu hadiah yang paling besar kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim serta rakyat Pahang keseluruhannya.

Beliau percaya BN akan diberikan mandat yang lebih besar berbanding pilihan raya umum lepas sekiranya ada pertandingan memandangkan sukar bagi parti pembangkang mengutip undi yang banyak dalam menentang calon BN disebabkan sokongan kuat di peringkat akar umbi.

Khalil, yang juga Menteri Besar Pahang, berkata kerajaan negeri akan meneruskan perancangan yang dibuat untuk memajukan daerah Lipis agar setanding dengan daerah-daerah lain di Pahang, umpamanya menerusi kemasukan industri berasaskan perkayuan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berpendapat kemenangan itu memantapkan BN, menerusi kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada pemimpin-pemimpin parti, terutamanya di Pahang.

Katanya, sungguhpun sebelum ini beberapa parti lawan ada mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak akan memberikan kemenangan mudah kepada BN, tetapi keputusan untuk tidak bertanding itu mungkin disebabkan mereka telah nampak tiada peluang menang.

Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, kegagalan PAS dan Semangat 46 tidak meletakkan calon pada pilihan raya kecil itu membayangkan ketidak sefahaman yang wujud antara kedua-dua parti yang bergabung di bawah Angkatan Perpaduan Ummah.

Pengerusi MCA Pahang, Datuk Lim Ah Lek berkata kemenangan itu menunjukkan kepercayaan rakyat yang tidak berbelah bagi kepada BN, terutamanya pucuk pimpinan parti.

Beliau berkata, meskipun tiada pertandingan tetapi kerajaan akan berusaha sedaya upaya memenuhi janji bagi membawa kehidupan yang lebih baik kepada rakyat, khususnya di Parlimen Lipis.

Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam berkata kemenangan itu merupakan bukti bahawa kepimpinan BN masih diperlukan bagi meneruskan pimpinan terbaik yang telah ditunjukkan sebelum ini.

Ketua Umno Bahagian Lipis, Datuk Omar Othman berkata kemenangan itu melambangkan keyakinan orang ramai terhadap kemampuan dan kebolehan BN menjalankan program-program pembangunan, terutamanya di daerah Lipis. -- Bernama.